

Minuman kesihatan tiruan dirampas

Pengusaha produk itu terima aduan pengguna muntah, mual dan sakit perut

MOHD ISKANDAR
OTHMAN

GEORGETOWN



Ching Chung menunjukkan minuman kesihatan wanita jenama Harum Malam disyaki tiruan yang dirampas dalam serbuan petang kelmarin.

Nampak serupa tapi tiruan.

Itu yang dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang terhadap produk minuman kesihatan wanita tiruan yang dijual di dua buah kedai di kompleks beli-belah Bukit Jambul di sini petang kelmarin.

Ketua Penguat kuasa KPDNHEP Pulau Pinang, Chin Ching Chung berkata, serbuan dibuat jam 2 petang oleh sembilan anggota penguat kuasa ekoran laporan yang dibuat oleh pemilik cap dagang produk terbabit yang mendakwa

lima pelanggannya mengalami muntah, mual dan sakit perut akibat minum produk berkenaan yang dibeli pada Ahad lalu.

Menurutnya, pemilik cap dagangan produk itu menerima aduan berkenaan melalui laman sosial sehingga menyebabkan nama baik syarikatnya terjejas.

"Dalam serbuan itu, kita merampas 57 botol minuman kesihatan wanita jenama Harum Malam yang disyaki tiruan dan dijual pada harga yang lebih murah daripada produk asli iaitu RM18 sebotol

dan asli RM32," katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau berkata, sekiranya lihat dari segi bungkusannya tiada perbezaan ketara yang dapat dilihat pada produk tiruan itu, namun warna bungkusannya sedikit pudar berbanding produk asli.

Katanya, pihaknya juga mendapati terdapat beberapa perbezaan ketara dari segi bau dan kepekatan produk berkenaan.

"Kita mendapati QR Code yang dilekat pada setiap botol juga berbeza selain pautan laman web

yang ditulis juga tidak sama," katanya.

Beliau berkata, orang ramai diingatkan supaya tidak terpengaruh dengan produk kesihatan yang dijual murah di pasaran kerana ia hanya akan memberi kesan buruk kepada kesihatan pengguna.

Katanya, kesemua produk berkenaan yang dianggarkan bernilai RM1,596 disita dan pihaknya akan menghantar sampel minuman itu kepada Jabatan Kimia Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk tindakan lanjut.